

15 JAN 1996

Keating - Malaysia

TINGKATKAN HUBUNGAN BERTERASKAN PERSEFAHAMAN, KATA KEATING

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Australia Paul Keating sekali lagi menggesa supaya hubungan Australia-Malaysia diperkukuhkan berteraskan persefahaman bersama.

"Yang lepas tidak lagi boleh menjadi tunggak utama persefahaman. Kita harus berusaha bagi memahami bentuk kedua-dua negara yang moden ini," kata beliau pada majlis jamuan meraikan beliau oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sri Perdana, di sini malam ini.

Keating tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi dua hari.

Beliau berkata Canberra dan Kuala Lumpur perlu memperbaharui persefahaman antara satu sama lain selaras dengan perubahan di kedua-dua negara dan juga senario antarabangsa yang mencakupi Australia dan Malaysia.

"Perubahan ialah sesuatu yang kita mempunyai persamaan," kata Perdana Menteri Australia itu sambil berkata persahabatan antara kedua-dua negara telah "lama bertapak dan terjalin dengan mendalam".

Keating berkata peluang bagi memperkukuhkan hubungan membina yang sedia terjalin antara kedua-dua negara wujud tanpa terbatas.

"...Kita mempunyai peluang untuk mewujudkan tahap baru persefahaman bersama antara rakyat Australia dan Malaysia di samping memupuk persahabatan yang kekal hingga ke abad ke-21," kata beliau.

Beliau berkata, tahun lepas, perdagangan dua hala meningkat sebanyak 22 peratus.

Teknologi dan penyelidikan termasuk teknologi alam sekitar serta pendidikan ialah bidang baru kerjasama sambil berkata Akta Pendidikan yang baru akan memperluaskan skop kerjasamna.

Ini meliputi usaha memperkenalkan program berkembar antara institusi pengajian tinggi Australia dan Malaysia serta penubuhan kampus Australia di Malaysia.

Beliau menyifatkan Malaysia sebagai antara kuasa ekonomi yang paling pesat di Asia dengan kadar pertumbuhan 8 peratus dan menambah kata revolusi ekonomi Malaysia diperhatikan dengan penuh minat di Australia.

Keating berkata perubahan di Australia memungkinkn Canberra muncul sebagai negara yang mempunyai dasar ekonomi paling terbuka di dunia.

"Oleh kerana perubahan ekonomi ini dicapai seiring dengan pertumbuhan dinamik di negara-negara seperti Malaysia, kami ingin menegaskan bahawa di Australia meletakkan masa depannya di rantau ini."

Keating berkata ini tidak pula bermakna bahawa Australia sedang dalam proses untuk tergolong dalam negara "Asia".

"Yang kami boleh dan berazam untuk menjadi ialah sebuah masyarakat yang bersikap toleransi dan negara yang kuat serta berinteraksi dengan negara-negara di sekelilingnya," kata beliau. -- BERNAMA